KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	28/11/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	PERHILITAN			

BH 28.11.2021_22

Gajah dalam kawasan perumahan nelayan ditangkap

Rompin: Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah Lanchang, Temerloh, kelmarin, menangkap gajah jantan di kawasan perumahan nelayan Sungai Puteri, di sini.

Haiwan berusia antara 15 tahun hingga 20 tahun itu dipercayai keluar dari kawasan Hutan Simpan Menchali, di sini, untuk mencari makan dan kali terakhir dilihat di kawasan berkenaan, Isnin lalu.

Ketua PKGK Kuala Gandah, Che Ku Mohd Zamzuri Chik Wan Ab Rahman, berkata usaha mengesan gajah itu segera dilakukan selepas menerima aduan penduduk setempat yang melihat kehadiran gajah berkenaan di belakang rumah mereka.



Gajah jantan yang ditangkap di kawasan perumahan nelayan Sungai Puteri, Rompin, semalam. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

Katanya, haiwan liar berkenaan akhirnya ditangkap kira-kira jam 11 pagi di kawasan semak berhampiran perumahan nelayan Sungai Puteri.

Katanya, gajah jantan dengan ukuran tapak kaki kira-kira 2.5 sentimeter itu mempunyai sepasang gading.

"Operasi mengesan dan menangkap gajah berkenaan disertai lebih 20 anggota Unit Tangkapan Gajah (UTG) PKGK Kuala Gandah dan UTG Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Pahang dibantu kakitangan Perhilitan Rompin.

"Kedudukan haiwan terbabit di kawasan penempatan penduduk dan hutan kecil memudahkan operasi mengesan seterusnya menangkap sebelum dipindahkan," katanya di sini, semalam.

Che Ku Mohd Zamzuri berkata, pihaknya memandang serius kehadiran gajah di kawasan perumahan nelayan Sungai Puteri kerana ia boleh mengancam keselamatan penduduk setempat.